

# KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: HARIAN METRO (LOKAL)

TARIKH: 11 NOVEMBER 2019

MUKA SURAT: 02

## Cuti 80% anggota bomba dibeku

**Kuantan:** Sebanyak 80 peratus daripada 14,000 pegawai dan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dibekukan permohonan cuti mereka sepanjang Monsun Timur Laut (MTL) berkuat kuasa awal bulan ini.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad Baharuddin Shah berkata, keputusan itu dibuat selepas mesyuarat Jawatankuasa pusat berkaitan pengurusan bencana dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Ia (keputusan) dibuat selepas mengambil kira kepentingan peranan pegawai dan anggota JBPM setiap kali musim tengkujuh melanda Pantai Timur Semenanjung dan seluruh negara apabila perubahan monsun berlaku," katanya.